

27 FEB 2001

BFA-MAHATHIR

NEGARA MISKIN JUGA BOLEH KENAKAN SYARAT BAGI CUKAI PRASARANA

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini jika negara-negara kaya mengenakan syarat-syarat kerana mereka perlu membayar cadangan cukai prasarana, negara-negara miskin juga boleh bertindak balas dengan mengenakan syarat-syarat mereka sendiri.

Dr Mahathir mencadangkan cukai prasarana untuk membantu negara-negara miskin membiayai program pembangunan prasarana mereka dalam uaputannya di majlis perasmian Forum Boao bagi Asia (BFA), di sini.

Bercakap di sidang akhbar kemudiannya, beliau berkata bagaimanapun terserah kepada negara-negara miskin bagaimana untuk membentuk cukai prasarana dan menggunakan dana yang dikumpul itu manakala negara-negara kaya juga boleh mencari idea bagaimana dana itu harus dibelanjakan.

"Ia bukanlah sesuatu bahawa golongan miskin perlu merasa terhutang budi kepada golongan kaya. Ini adalah hak mereka kerana mereka menyediakan cara bagi yang kaya untuk menjadi lebih kaya, membuat keuntungan. Ia bersifat logik, dengan mengeksploitasi golongan miskin, sepatutnya dipulangkan kepada golongan miskin hak mereka," kata Dr Mahathir yang berlepas pulang ke Kuala Lumpur sejurus selepas tengah hari.

Penerbangan dari Haikou, ibu kota Hainan, ke Kuala Lumpur, dijangka mengambil masa kira-kira tiga setengah jam.

Dr Mahathir berkata presiden China Jiang Zemin adalah ketua asing pertama dimaklumkan mengenai cadangannya ketika mereka bertemu dalam mesyuarat dua hala, di sini, semalam.

Beliau berkata Jiang kelihatan positif tentang cadangan cukai prasarana itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Jiang menyatakan terdapat kemungkinan ada sesetengah pihak yang tidak akan bersetuju dengan idea itu.

Dr Mahathir berkata merangka mekanisme bagi agensi cukai prasarana bukanlah satu masalah besar.

"Tetapi untuk mendapatkan persetujuan daripada negara kaya, sudah pastinya adalah satu masalah besar," katanya sambil mengambil contoh kes Persidangan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan oleh Malaysia yang sering mendapat kritikan daripada negara-negara kaya.

Dr Mahathir juga berkata negara-negara kaya akan cuba mengkritik cadangannya bagi cukai prasarana tetapi "kita akan bertahan."

Apabila di tanya mengenai kenyataan kerasnya terhadap media Barat dan spekulator matawang yang menjadi hasil sebaliknya, beliau menjawab, "Orang ramai akan sering mengkritik saya tetapi ia adalah perkara yang hakikat. Perlu bagi saya untuk menghasilkan idea dan suatu hari kelak saya yakin idea yang baik akan tetap diterima, malahan oleh orang yang tidak menyukai saya ataupun Malaysia."

"Ketika kami melaksanakan pengawalan bagi krisis matawang, kami diberitahu bahawa kami mengambil tindakan yang kurang bijak, kami tidak memahami mengenai kewangan atau bercita-cita terlalu besar tetapi apa yang saya lihat kini malahan pakar-pakar Barat mula membicarakan bagaimana kami berjaya menangani krisis itu. Saya rasa walaupun mereka mungkin tidak menyukai saya, mereka tetap akan menerima idea saya."

Apabila ditanya mengenai pandangannya terhadap nilai-nilai Asia, Dr Mahathir berkata ianya tidak jauh berbeza daripada nilai-nilai Barat ketika era Victoria.

"Kita lebih konservatif, kita masih menghormati keluarga kita, kita

tidak masuk campur dalam hal ehwal orang lain. Kita tidak cakap berterus terang, kita bercakap dengan bersopan santun tetapi kadang kala ianya dianggap sebagai satu kelemahan."

Nilai-nilai Asia, katanya, telah membantu negara-negara Asia hidup dengan aman antara satu sama lain lebih daripada negara-negara Eropah.

Dr Mahathir berkata forum BFA sepatutnya menjadi satu saluran baik bagi negara-negara miskin untuk menyuarakan pandangan dan bantahan mereka terhadap idea-idea yang datang daripada negara-negara bukan Asia.

Bagi pembiayaannya, Perdana Menteri berkata beliau yakin perniagaan-perniagaan besar di Asia mampu menyediakan pembiayaan kerana perhimpunan tahunan BFA akan membolehkan mereka bertemu bukan sahaja rakan sejawatan mereka dari rantau-rantau lain tetapi juga ketua-ketua negara.

Apabila di tanya mengenai mesyuarat dua halanya dengan Jiang semalam, Dr Mahathir berkata mereka telah berbincang berhubung isu-isu semasa seperti globalisasi dan kerangka kewangan global baru.

"Kami banyak berbincang mengenai apa yang boleh dilakukan bersama oleh kami berdua," katanya.

Dr Mahathir, apabila ditanya apa yang dianggapnya menjadi isu paling penting yang perlu dibincangkan oleh BFA, berkata pembasmian kemiskinan harus diberikan tumpuan utama.

Terdahulu dalam ucaptamanya, beliau berkata terdapat ramai penduduk di Asia yang masih dibelenggu kemiskinan. -- BERNAMA

SHY MFJ SD ZK